SAINS KSSR · TAHUN 4, 5, 6

Formula Menjawab Kemahiran Proses Sains

Satu ayat templat untuk setiap kemahiran — dari pemerhatian hingga eksperimen

12 Kemahiran | 130+ Soalan | 6 Fail Kes Siasatan | 4 Tahap Latihan | Jawapan Lengkap

Apa ada di dalam buku ini?

✔ Penerangan mudah bagi **12 Kemahiran Proses Sains (KPS)** dalam DSKP Sains KSSR.

✔ Satu **formula jawapan** (templat ayat) untuk setiap kemahiran — tinggal isi tempat kosong.

✔ Bab khas **Membuat Inferens**: beza pemerhatian dan inferens, langkah demi langkah.

✔ Contoh lengkap daripada topik Tahun 4–6: tumbuhan, haiwan, manusia, haba, jirim, pengaratan, cahaya, elektrik, mikroorganisma, daya dan gerakan.

✔ Latihan 4 tahap dalam setiap bab: **kenal pasti** → **pilih** → **lengkapkan** → **tulis sendiri**.

✔ 6 Fail Kes Siasatan (eksperimen penuh dengan data) + senarai semak sebelum hantar jawapan.

✔ Jawapan contoh untuk **setiap** soalan.

Fail digital (PDF). Tiada buku bercetak dihantar. Boleh dicetak di rumah untuk kegunaan sendiri.

Untuk murid Tahun 4, 5, 6 dan ibu bapa yang membantu di rumah

8 Mentafsir Data

APA MAKSUDNYA

- Data ialah maklumat daripada eksperimen: nombor dalam jadual, graf atau carta, atau pemerhatian.
- Mentafsir data = **memilih maklumat yang penting** dan **memberi penerangan yang munasabah** tentang pola atau hubungan dalam data itu.
- Jangan hanya menyalin nombor. Cari **pola**: naik, turun, tetap, paling tinggi, paling rendah.

Rujukan: DSKP KSSR Sains Tahun 6: memilih idea yang relevan tentang objek, peristiwa atau pola yang terdapat pada data untuk membuat penerangan.

FORMULA JAWAPAN — B.C.T.

B = BACA tajuk lajur dan unit (apa yang diubah? apa yang diukur?)
C = CARI POLA: bertambah? berkurang? tetap? paling tinggi / paling rendah di mana?
T = TULIS HUBUNGAN: "Semakin PM _____, semakin PB _____." (PM = perkara yang diubah, PB = perkara yang diukur)
Atau: "[Perkara yang diukur] paling tinggi/rendah apabila …" + sebab ringkas jika diminta.

Contoh lengkap 1: Kereta mainan di atas permukaan berbeza

Jenis permukaan	Jubin licin	Papan kayu	Kain tuala
Jarak kereta mainan bergerak (cm)	180	140	60

Soalan: Apakah yang boleh anda tafsirkan daripada data ini?

B: Diubah = jenis permukaan. Diukur = jarak bergerak (cm).
C: Jarak paling jauh di atas jubin licin; paling dekat di atas kain tuala.
T (jawapan contoh): Semakin kasar permukaan, semakin pendek jarak kereta mainan bergerak. Ini kerana permukaan yang kasar menghasilkan daya geseran yang lebih besar.

Contoh lengkap 2: Air panas menyejuk

Masa (minit)	0	5	10	15	20
Suhu air (°C)	80	65	55	48	44

Jawapan contoh: Semakin lama masa, semakin rendah suhu air. Suhu turun paling cepat dalam 5 minit pertama (15 °C) dan semakin perlahan selepas itu (hanya 4 °C antara minit 15 dan 20).

Kesalahan biasa
✗ **Salah:** "Pada minit 0 suhu 80 °C, minit 5 suhu 65 °C, minit 10 suhu 55 °C …" — ini hanya menyalin jadual.
✓ **Betul:** "Semakin lama masa, semakin rendah suhu air."
✗ **Salah:** "Suhu berubah." — tidak menyatakan arah perubahan.
✓ **Betul:** Gunakan perkataan arah: *bertambah, berkurang, meningkat, menurun, tetap*.

Latihan Tahap 1 — Kenal pasti

Jadual A: Seketul ais diletakkan di atas pinggan dalam bilik.

Masa (minit)	0	2	4	6	8
Jisim ais yang tinggal (g)	100	80	60	40	20

1. Apakah yang diukur dalam Jadual A? _____

2. Apakah unit bagi masa? _____

3. Berapakah jisim ais pada minit ke-4? _____

Latihan Tahap 2 — Pilih jawapan

4. Apakah pola jisim ais dalam Jadual A?

A Bertambah 20 g setiap 2 minit
B Berkurang 20 g setiap minit
C Tetap
D Berkurang 20 g setiap 2 minit

5. Pernyataan manakah paling baik mentafsir Jadual A?

A Ais itu sejuk.
B Semakin lama masa, semakin berkurang jisim ais.
C Jisim ais ialah 100 g.
D Semakin berkurang jisim ais, semakin lama masa.

Jadual B: Sebutir lilin dilekatkan pada hujung tiap rod yang sama panjang. Hujung lain setiap rod dimasukkan ke dalam air panas.

Jenis rod	Keluli	Kaca	Kayu
Masa lilin mula cair (minit)	2	9	tidak cair selepas 15 minit

6. Berdasarkan Jadual B, rod manakah paling cepat mengalirkan haba?

A Keluli
B Kaca
C Kayu
D Semua sama

Latihan Tahap 3 — Lengkapkan

7. (Jadual A) Semakin _____ masa, semakin _____ jisim ais yang tinggal.

8. (Jadual B) Lilin pada rod _____ cair paling cepat kerana _____ ialah konduktor haba yang _____.

Latihan Tahap 4 — Baca data & tulis sendiri

Jadual C: Kereta mainan dilepaskan dari landasan condong yang berbeza ketinggian.

Ketinggian landasan (cm)	10	20	30	40
Jarak kereta mainan bergerak (cm)	50	95	140	185

9. Nyatakan hubungan antara ketinggian landasan dengan jarak kereta mainan bergerak.

10. Berapakah pertambahan jarak bagi setiap 10 cm pertambahan ketinggian?

11. Ramalkan jarak kereta mainan bergerak jika ketinggian landasan ialah 50 cm. Tunjukkan cara anda.

12. Tulis tafsiran lengkap bagi Jadual B menggunakan formula B.C.T.

Jawapan Bab 8

1. Jisim ais yang tinggal.
2. Minit.
3. 60 g
4. D
5. B
6. A
7. lama (bertambah); berkurang
8. keluli; keluli; baik
9. Semakin tinggi landasan, semakin jauh jarak kereta mainan bergerak.
10. 45 cm (95 – 50 = 45; 140 – 95 = 45; 185 – 140 = 45).
11. 185 cm + 45 cm = 230 cm.
12. B: diubah = jenis rod, diukur = masa lilin mula cair. C: keluli paling cepat (2 minit), kayu tidak cair . T: Lilin pada rod keluli cair paling cepat, diikuti kaca; lilin pada rod kayu tidak cair. Keluli ialah konduktor haba yang baik, manakala kayu ialah penebat haba.

Suka sampel ini?

Latihan Sains Tahun 1–6

Formula KPS Tahun 4–6

- Tahun 1–3: latihan ikut topik, MCQ, nota + skema
- Tahun 4–6: latihan ikut topik, set gabungan, KBAT + jawapan
- KPS: 12 kemahiran, 130+ soalan, 6 kes siasatan + jawapan

RM9.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/latihan-sains-tahun-1-6 · FPX online banking · download serta-merta